

## Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli: Kajian Kes di Hutan Simpan Bukit Lagong, Selangor, Malaysia

ER AH CHOY  
ZALINA CHE MAT ARIFFIN  
JOY JACQUELINE PEREIRA

### ABSTRAK

Kajian ini meninjau aspek sosioekonomi Orang Asli dengan melakukan kajian lapangan terhadap suku-kaum Temuan di Kampong Orang Asli Bukit Lagong. Data dikumpulkan melalui temubual mendalam dengan *key informant* seperti Tok Patin serta kumpulan berfokus dengan Orang Asli terpilih. Mereka ini dalam kalangan yang dianggap berpengetahuan tentang perkembangan di dalam dan persekitaran berhampiran Hutan Simpan Bukit Lagong. Data terkumpul itu dipersembahkan dalam bentuk carta bar dan carta pie. Hasil kajian ini menunjukkan aktiviti ekonomi masyarakat Orang Asli di Hutan Simpan Bukit Lagong masih berbentuk sara diri dan ‘cukup hidup.’ Sumber hutan menjana faedah ekonomi dengan kegiatan ekonomi sehari-hari yang meyumbang kepada pendapatan dan kegiatan lain. Mencari kayu gaharu, menoreh getah dan menganyam adalah aktiviti ekonomi yang menghasilkan pendapatan bagi masyarakat tersebut. Walau bagaimanapun, sejak beberapa dekad ini aktiviti ekonomi masyarakat tersebut telah mengalami perubahan, iaitu daripada mencari sumber hutan semata-mata kepada penglibatan dalam sektor kerajaan dan swasta. Taraf pendidikan dalam kalangan mereka telah meningkat sejak tahun 2007 terutama melalui usaha Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang telah meningkatkan kesedaran tentang pentingnya pendidikan. Aspek dan corak kehidupan mereka juga telah berubah dengan adanya penyediaan keperluan asas seperti kemudahan air, elektrik, surau dan sebagainya. Tambahan pula, penyerapan informasi dan komunikasi teknologi telahpun bermula dengan pengenalan komputer oleh segelintir masyarakat Orang Asli.

Kata Kunci: sara diri, Akta 134, Melayu-Proto, sumber hutan dan pekerjaan

### ABSTRACT

This paper explores the socioeconomic aspects of Aboriginal people by undertaking field research on Temuan tribe at Bukit Lagong aboriginal village. Field data have been collected from intensive interviews with key informants

such as Tok Patin (the head-man) as well as group-focus with selected Aboriginal people. They are those who presumably acquired knowledge about the development in and surrounding areas near Bukit Lagong Reservation Forest. The collect data were presented in bar chart and pie chart. The results of this research showed that economic activities of the Aboriginal at Bukit Lagong Forest Reservation still in self-sufficient and ‘just enough to life.’ Jungle resources had generated economic benefits through their daily economic activities which contributed to their incomes and other activities. Collecting domestic woods, rubber tapping and weaving had been thier economic activities that generated incomes. Moreover, since last few decades their economic activities had been changing from solely forest resources to their involvement in public and private sectors. Their standard of education had increase since 2009 especially through the endeavor of The Aboriginal Affairs Departmen which encouraged their awareness on the importance of education. Their living aspects and pattern of life had also changes by the setting-up of basic needs facilities such as pipe water, electricity, village mosque (surau) and so forth. There were as well the penetration of information and communication technologies through the introduction of computer among few numbers of them.

**Key words:** Self-sufficient, 134 *Act*, Proto-Malay, forest resources, and occupation

## Pengenalan

Hutan Simpan Bukit Lagong (HSBL), dengan keluasan 3624.1 hektar, telah diwartakan sebagai Hutan Simpan kekal (Pejabat Perhutanan Rawang 2007). Hutan ini dianugerahkan dengan kepelbagaiannya-bio hutan. Terdapat dua buah kampung Orang Asli, iaitu Kampong Orang Asli Bukit Lagong dan Kampong Orang Asli Ulu Keledek di dalamnya. Pertempatan tersebut mempunyai pelbagai aktiviti ekonomi seperti ekopelancongan, pengkuarian dan pengeluaran balak.

Aktiviti ekonomi di hutan simpan itu memerlukan penelitian agar anugerah semula jadi hutan tersebut tidak terjejas dengan sewenang-wenangnya. Di samping itu, usaha tersebut juga penting agar tidak mengorbankan keupayaan untuk memenuhi keperluan dan kehendak generasi akan datang. Justeru, proses penilaian terhadap impak alam sekitar serta keperluan dalam membuat penganalisisan terhadap kos dan faedah yang bakal diperoleh daripada kegiatan yang bakal dijalankan agar dapat memastikan bahawa ianya mendatangkan lebih banyak kesan positif berbanding kesan negatif terhadap alam sekitar, sosial dan ekonomi. Antara sumber yang boleh diperoleh ialah sumber kayu-kayan, galian, herba dan ubat-ubatan, spesies flora dan fauna, haiwan dan sebagainya

yang merupakan aset berharga yang perlu dipelihara agar kawasan hutan dapat dikekalkan dengan ciri-ciri semula jadinya (Lim 1997).

Kajian ini merupakan usaha awalan untuk menghasilkan penyelidikan yang lebih besar dan menyeluruh. Usaha untuk mendapatkan data yang lengkap dan komprehensif tentulah memerlukan tenaga dan masa yang lebih banyak. Diharapkan makalah ini dapat menyambung ke arah memupuk minat para pengkaji dalam bidang ini. Pembangunan sesuatu kawasan terutamanya kawasan hutan simpan sememangnya memerlukan perhatian dan tinjauan serta kerjasama dari pelbagai pihak agar ianya tidak akan mendatangkan pelbagai kesan yang boleh menjelaskan kehidupan dan hidupan lain dalam alam sekitar yang turut terjejas akibat kegiatan pembangunan tersebut agar pembangunan dalam satu aspek tidak akan menjelaskan satu aspek yang lain. Sebagai contohnya, pembangunan sektor pelancongan untuk menambah pendapatan negara dengan pembinaan pelbagai kemudahan infrastruktur dan pelbagai prasarana pelancongan lain akan mengakibatkan kesan buruk terhadap alam sekitar dan juga manusia khususnya walaupun ianya turut memberikan kesan baik terhadap sosial dan pelbagai lagi aspek lain. Kajian ini menganalisis taraf sosioekonomi serta transformasi pembangunan dalam kalangan masyarakat Orang Asli dari suku Temuan yang berhuni di kawasan Hutan Simpan Bukit Lagong.

### Resensi Literatur

Penyelidikan tentang masyarakat Orang Asli di Malaysia semakin mendapat perhatian dalam kalangan ahli akademik, para sains sosial dan para perancang ilmu pembangunan itu sendiri. Terdapat pelbagai pendekatan dan penumpuan telah dilakukan terutama dari sudut antropologi, sejarah, geografi dan ekonomi. Pengkajian secara serius mengenai Orang Asli ini telah bermula sejak abad ke-19 lagi dengan menggunakan pelbagai bentuk pendekatan kajian yang menyeluruh. Tokoh yang terawal yang dikaitkan dalam kajian masyarakat Orang Asli ini adalah Anderson (1850) dan Hole (1888) (Gomes 1987).

Beberapa kajian yang agak terkini juga telah dilakukan. Misalnya, Ramle Abdullah (1993), mendapati cara hidup masyarakat Orang Asli dianggap ‘primitif’ dengan ekonomi yang berorientasikan ‘cukup hidup’ dan tidak melibatkan ekonomi pasaran. Mereka menggunakan pendekatan-pendekatan tradisional dalam apa juga aktiviti yang mereka jalankan. Hal tersebut selaras dengan penjelasan oleh Endicott (1997) dan Kuchikura (1984) bahawa masyarakat Batek Negrito dan masyarakat

Semaq Beri (Ulu Terengganu) menggunakan peralatan seperti Sumpitan, menangkap ikan dan mencari sumber hutan sebagai pekerjaan utama mereka. Gambaran sedemikian memang benar. Namun, menurut Gomes (1987: 20) pula dengan proses pembangunan luar bandar yang pesat di Malaysia dan penerapan sistem ekonomi kapitalisme menyebabkan gambaran ini tidak lagi boleh diaplikasikan dalam ekonomi segolongan masyarakat Orang Asli (Gomes 1987).

Kajian Gomes (1987) ke atas masyarakat Semaq Beri mendapati aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh semua masyarakat Orang Asli adalah lebih kurang sama. Beliau telah mengkategorikan aktiviti pengeconomian Orang Asli ini kepada dua yakni aktiviti ekonomi yang bertujuan untuk mendapatkan wang seperti menoreh getah, mencari rotan dan mencari Kayu Gaharu serta ekonomi yang bertujuan untuk sara diri seperti memancing, memburu binatang dan pertanian. Pada kelazimannya, aktiviti-aktiviti ini dilakukan secara berasingan, yakni mengikut keadaan dan musim, pasaran dan kecenderungan mereka sendiri. Namun, dalam satu-satu keadaaan kedua-dua ekonomi ini dijalankan juga secara bersama (Gomes dan Anthony 1993).

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pelbagai pihak didapati memang telah lama timbul kesedaran dalam masyarakat Orang Asli mengenai kepentingan pembangunan itu secara tidak langsung. Pembangunan yang dijalankan ke atas mereka merangkumi aspek kemudahan, keperluan asas dan infrastruktur seperti jalanraya dan ekonomi yang berbebatuk order baru yakni dengan penggunaan wang sebagai pengantara. Hal tersebut jelas kelihatan dari kajian yang dijalankan oleh Shamsul Amri Baharuddin, 1972 ke atas Orang Asli Senoi- Semai di Pos Telanok, Pahang (Shamsul Amri Baharuddin 1972).

Baharun Azahar (1972) (dalam Hasan Mat Noor 2000:101), dalam kajiannya terhadap masyarakat Orang Asli di Parit Gong Negeri Sembilan mendapati hampir keseluruhan masyarakat Orang Asli di situ terserap ke dalam ekonomi pasaran akibat daripada pembangunan yang telah direncanakan oleh kerajaan. Beliau merumuskan bahawa masyarakat tersebut terintegrasi ke dalam ekonomi yang bersifat nasional.

Masyarakat Orang Asli tidak punyai organisasi parti politik yang boleh membawa penyertaan mereka secara aktif malah mereka juga kurang perwakilan di peringkat Kerajaan Negeri mahupun di peringkat Kerajaan Persekutuan kecuali seorang Senator di Dewan Negara (Hasan Mat Nor 2000). Ini merujuk bahawa masyarakat Orang Asli telah jauh tercincir ke belakang dalam arena politik berbanding dengan pencapaian politik masyarakat lain.

Hal tersebut berlaku kerana faktor persejaraha Orang Asli. Pada zaman dahulu, Orang Asli sebenarnya telah menjadi rakyat kepada Kesultanan Melayu. Mereka diberikan perlindungan oleh Raja-Raja Melayu pada masa itu. Menurut Dodge (1984), pada zaman Kesultanan Melayu, hubungan antara Orang Melayu dengan Orang Asli mesra dan rapat dan terdapat juga Orang Asli yang berkahwin campur dengan Orang Melayu. Kewujudan hubungan antara Orang Temuan dianggap sebagai “waris di dalam” dengan Orang Melayu sebagai “waris di luar” di Negeri Sembilan (Switt 1965, Baharun 1973). Hubungan itu adalah bersifat politik, namun demikian, hubungan itu telah berubah pada zaman kolonialisme. Status hubungan antara Sultan Melayu dan masyarakat Orang Asli mula pudar dan Orang Asli tidak lagi menjadi rakyat naungan Sultan setelah diwujudkan satu Jabatan yang ditadbir oleh Inggeris. Hal tersebut menjadi titik tolak peminggiran masyarakat Orang Asli hari ini (Gomes dan Anthony 1993).

Ringkasnya, kajian Ramle Abdullah (1993), Shamsul Amri Baharuddin (1972), Baharun Azahar (1972) dan seterusnya menunjukkan masyarakat Orang Asli secara umumnya mengamalkan cara hidup yang primitif atau ‘cukup hidup’, corak ekonomi yang bermatlamatkan sara diri dan memperoleh sumber pendapatan, kurang penglibatan dalam arena politik dan masih hidup dalam kecinciran dalam banyak aspek kehidupan. Namun, keadaan tersebut tidak banyak berubah sehingga kini.

### Kawasan Perkampungan Orang Asli Bukit Lagong

Di samping berfungsi sebagai sumber ekonomi, hutan juga berfungsi sebagai habitat atau tempat tinggal bukan sahaja kepada flora dan fauna malah manusia, iaitu Orang Asli. Kampung Orang Asli Bukit Lagong menempatkan penduduk Orang Asli dari suku kaum Temuan. Mereka terdiri daripada 17 buah keluarga yang hidup bergantung sepenuhnya kepada sumber hutan. Petempatan komuniti Orang Asli terletak di bahagian pintu masuk utama kawasan Hutan Simpan Bukit Lagong. Tok Batin Musa merupakan ketua mereka. Isterinya bernama Sepiew. Amalan cara hidup dan aktiviti ekonomi yang biasa dijalani oleh masyarakat Orang Asli di kampung Bukit Lagong adalah berbentuk tradisional dan sara hidup. Secara umumnya, masyarakat Orang Asli dari suku Temuan tersebut masih hidup dalam suasana yang kurang membangun berbanding dengan masyarakat luar.

## Konsep Operasional

Pembangunan adalah satu proses perubahan yang menghasilkan transformasi melalui masa tersirat dalam konsep pembangunan. Pembangunan merangkumi apa jua aspek kehidupan manusia, apa jua aspek masyarakat manusia, apa jua bentuk institusi dan negara, malah apa jua sistem alam semula jadi, pastinya melibatkan manusia dan dalam penghujungnya nanti akan berkeupayaan untuk melebarkan kemakmuran hidup dikalangan manusia (H. M. Dahlan 1989 : 13). Pembangunan juga didefinisikan sebagai suatu kebaikan yang membawa kepada kualiti kehidupan yang lebih baik kepada individu dan masyarakatnya. Pembangunan juga merupakan satu proses yang menuju ke arah pertumbuhan yang dapat mengubah keadaan atau situasi sesuatu kawasan atau masyarakat. (Rohana Yusof 2006 : 275)

Teori pembangunan adalah teori yang menerangkan teori dan pendekatan yang berkaitan pembangunan yang dialami oleh masyarakat khususnya masyarakat di Negara Maju, Negara Membangun dan masyarakat di Negara Mundur. Teori ini membincangkan proses-proses pembangunan yang dialami oleh masyarakat ini secara bertahap dan sebagainya. Pembangunan adalah berkait dengan perubahan sosial yang berlaku dalam sesebuah masyarakat yang membawa kepada perubahan terutamanya kemajuan dalam kehidupan masyarakat.

Perubahan dalam masyarakat sememangnya berkaitan dengan pembangunan yang telah dialami dalam sesebuah negara dan dalam sesebuah masyarakat itu sendiri. Perubahan sosial boleh ditakrifkan sebagai perubahan yang berlaku terhadap masyarakat dari satu tingkat kehidupan ke satu tingkat kehidupan yang lain. Perubahan sosial merupakan fenomena yang sentiasa berlaku dalam sesebuah masyarakat. Begitu juga, perubahan sosial yang dapat dilihat dalam masyarakat Orang Asli di Bukit Lagong yang telah serba sedikit mengalami perubahan dalam kehidupan sehari-hari mereka. Ertinya, perubahan sosial ditakrifkan sebagai pergerakan masyarakat dari satu peringkat kehidupan ke peringkat kehidupan yang lain. Setakat mana peringkat yang baru itu membawa kebaikan atau sebaliknya, natijah perubahan tersebut akan melambangkan pergerakan yang di alami dan di lalui serta yang akan dihadapi oleh masyarakat tersebut. Akhirnya masyarakat terpaksa menyesuaikan diri dengan kehidupan yang baharu atau sebaliknya berusaha untuk mengembalikan keadaanya yang asal, semuanya bergantung pada pilihan masyarakat itu sendiri. (Rozalli Hashim, 1991).

## Masyarakat Orang Asli di Malaysia

Tafsiran Orang Asli dari sudut undang-undang Malaysia khususnya dalam Perlembagaan Malaysia di bawah Perkara 160 (2) adalah sebagai Orang Asli Semenanjung Tanah Melayu. Mengikut Akta 134 (Akta Orang Asli) dibawah Fasal 3 (1) telah diberikan tafsiran yang khusus tentang siapakah yang dapat diterima sebagai Orang Asli (Hasan Mat Nor 1996: 15). Berikut adalah tafsiran mengikut Akta 3 (1) mengenai masyarakat Orang Asli yang dinyatakan dalam undang-undang Negara Malaysia:

Mana-mana orang yang bapanya adalah seorang dari rumpun bangsa Orang Asli yang bercakap dalam bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan Adat dan kepercayaan Orang Asli dan termasuklah seorang keturunan melalui lelaki itu; Mana-mana orang dari apa-apa kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa masih kanak-kanak oleh orang dan yang telah dididik sebagai seorang Orang Asli, lazim bercakap dalam bahasa Orang Asli, mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli dan adalah seorang dari sesuatu masyarakat Orang Asli; atau Anak dari apa-apa persatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki dari satu kaum lain, dengan syarat bahawa anak itu lazim bercakap dalam bahasa Orang Asli, cara hidup Orang Asli, adat dan kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi seorang dari sesuatu masyarakat Orang Asli.

Dari sudut pandangan umum pula, Orang Asli juga dikenal pasti sebagai masyarakat Aslian. Pada kelazimannya, rakyat negara ini hanya mengetahui masyarakat Aslian secara sepintas lalu sahaja. Menurut Dentan 1976 (dalam Hasan Mat Nor 1996), biasanya mereka menamakan masyarakat Orang Asli itu sebagai Sakai, walaupun sebenarnya nama tersebut tidak digalakkan penggunaanya. Pada persepsi mereka masyarakat ini adalah Sakai yang tinggal di dalam hutan dan masih lagi meneruskan gaya hidup primitif. Mereka juga dikatakan tidak mempunyai agama yang khusus dan tiada peraturan hidup dan dianggap sebagai bodoh dan tidak mahu menerima kemajuan, malah ada yang mengatakan bahawa masyarakat ini hidup liar dan ganas.

Daripada segi pensejarahan pula, dipercayai terdapat tiga kumpulan Orang Asli yang telah sampai ke negara ini jauh lebih awal daripada Orang Melayu, Cina dan India (Carey 1976). Mereka terdiri daripada Orang Negrito, Orang Senoi dan Orang Melayu Asli (Melayu-Proto). Para pengkaji meramalkan mereka hadir di negara ini tidak kurang daripada 2,500 tahun dahulu. Para pengkaji menamakan nenek moyang Orang Asli sebagai Melayu-Proto, manakala nenek moyang Orang Melayu sebagai Melayu-Deutro. Melayu-proto tinggal di pedalaman dan

Melayu-Deutro tinggal di persisiran dan tanah rata mengerjakan petanian. (Anwar Din 2008.)

Definisi ‘Orang Asli’ mengikut Akta 134 secara ringkasnya ialah “orang yang ibu atau bapanya atau kedua-duanya adalah Orang Asli, bercakap dalam bahasa Orang Asli, mengikut cara hidup Orang Asli serta mempercayai adat dan kepercayaan Orang Asli”. Mereka adalah kaum minoriti Semenanjung Malaysia dengan populasi penduduknya pada tahun 1997 seramai 106,131 orang iaitu hanya 0.5 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia (Colin 2000).

Jumlah penduduk Orang Asli sehingga Disember 2003 ialah 147,412 orang dengan jumlah 29,873 Ketua Isi Rumah. Ia terdiri tiga suku kaum utama iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. Setiap tiga suku kaum tersebut terdapat enam etnik suku kaum seperti Temuan, Semai, Jakun, Semelai, Lanoh, Kintak, Jahut dan sebagainya. Tambahan lagi, rata-rata daripada masyarakat Orang Asli menjalankan aktiviti ekonomi yang berdasarkan sara diri atau cukup hidup. Aktiviti ini biasanya melibatkan kegiatan pemburuan di hutan dengan menggunakan peralatan tradisional mereka yang tersendiri yang telah digunakan sejak turun temurun dan berdasarkan bahan-bahan yang terdapat di sekeliling kehidupan mereka. Alatan tersebut meliputi buluh sumpitan, panah, belantik, jerat dan perangkap. Manakala alatan menangkap ikan pula ialah bubu, lukah, tuai dan lain-lain. Kini, penggunaan alat-alat tersebut masih lagi digunakan terutama sekali bagi masyarakat Orang Asli di kawasan pedalaman. (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia, 2004).

Masyarakat Orang Asli di Malaysia khususnya, ditadbir atau diletakkan di bawah seliaan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang diuruskan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang seterusnya di bahagikan kepada bahagian-bahagian tertentu mengikut setiap Daerah. Secara umumnya, setiap jabatan ini mempunyai fungsi dan peranan yang sama dalam membangunkan Orang Asli di setiap kawasan yakni membasmi kemiskinan dalam kalangan Orang Asli, mengurangkan jurang perbezaan pendapatan, pendidikan, kesihatan dan akses kepada kemudahan-kemudahan antara masyarakat Asli dan masyarakat umum di Malaysia dan meningkatkan keupayaan, keyakinan diri, ketabahan, ketrampilan dan imej disiplin, daya tahan dan sebagainya dalam kalangan masyarakat Asli serta menghapuskan segala tanggapan dan pandangan negatif masyarakat umum terhadap Orang Asli. Peranan-peranan ini dilaksanakan melalui program-program yang dibentuk di peringkat jabatan ([www.jheoa.gov.my](http://www.jheoa.gov.my))

Program tersebut dapat dibahagikan kepada tiga program utama: Program Kesihatan, Program Latihan dan Program Pembangunan

Sosioekonomi dan terdiri daripada tiga program utama iaitu Program Penempatan Tersusun yang dibawahnya telah dirangka program kecil seperti Program Pengumpulan Semula (RPS), Pengambilan Balik Tanah dan Kerja Ukur dan Penyusunan Semula Kampung (PSK). Antara program lain termasuk Program Pembangunan Ekonomi seperti Program Ekonomi Pelbagai Negeri serta Program Pembangunan Sosial seperti PPRT Pelbagai Negeri, Pusat Transit dan Klinik Desa, Infrastruktur dan Kemudahan Asas serta pelbagai lagi program lain (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia, 2004).

### Metodologi Kajian

Data sekunder dikumpul dari Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Gombak, Pejabat Hutan Daerah iaitu Pejabat Hutan Cheras, Pejabat Hutan Gombak dan Pejabat Hutan Rawang. Pejabat Hutan Gombak membekalkan maklumat seperti Buku Manual Perhutanan Jilid 1, Forest Related Laws vol.1, Akta Perhutanan Negara 1984, Senarai Pokok Perlindungan kompartmen 17 Hutan Simpan Bukit Lagong, Buku Penandaan Pokok Dan Kawalan Pengeluaran Kayu, Senarai Pokok Ibu dan sebagainya. Manakala Pejabat Hutan Rawang telah membekalkan maklumat dari segi buku-buku yang berkaitan dengan kuari yakni Industri Perlombongan Malaysia (2004, 2005).

Seterusnya, lawatan tapak dan temu bual berdasarkan satu set soal selidik dengan Tok Batin serta kumpulan berfokus dengan masyarakat Orang Asli. Kumpulan berfokus ini dilakukan bersama sekumpulan Orang Asli yang berpengetahuan dan berpengalaman dan dikumpulkan secara berkelompok untuk temubual. Seramai 11 orang responden telah dikumpulkan dan temubual secara mendalam telah dijalankan terhadap mereka.

Temubual berdasarkan satu set soal selidik dilakukan dengan komuniti Orang Asli dari suku kaum Temuan. “Key Informant” dalam kajian ini adalah Tok Batin iaitu Ketua Penduduk bagi masyarakat Orang Asli di sana serta temubual bersama beberapa lagi penduduk antaranya Pn. Rugayah yang berasal dari kaum Melayu tetapi telah berkahwin dengan masyarakat Orang Asli di sana,. Selain daripada itu, Pn.Undi, Pn. Muka, Pn. Hasnah dan anak-anak telah ditemubual Maklumat yang diperoleh ialah latar belakang mereka dari segi corak ekonomi mereka yang berkaitan dengan sumber-sumber hutan yang berhampiran dan kesan pembangunan semasa terhadap corak kehidupan sehari-hari mereka. Hasil

temubual adalah berdasarkan set soal selidik yang telah disediakan oleh Dr. Er Ah Choy (2007-2008), UKM-XX-01-FRGS007-2006.


## Analisis Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli

Analisis Sosioekonomi dilakukan ke atas masyarakat Orang Asli di HSBL dibawah seliaan Pejabat Hutan Cheras dan Pejabat Renjer Hutan Gombak. Kampung Orang Asli Bukit Lagong merupakan kawasan perkampungan Orang Asli yang menempatkan seramai 17 buah keluarga yang terdiri daripada suku Temuan. Antara maklumat yang diperoleh ialah jantina responden, umur, bilangan isi rumah, jumlah pendapatan serta sumber utama pendapatan bagi masyarakat Orang Asli.

### Profil Responden

Rajah 1 menunjukkan seramai 4 orang atau 36 peratus responden lelaki dan 7 orang ataupun 64 peratus responden wanita telah ditemubual dalam kumpulan berfokus. Dua ataupun 18.2 peratus responden beragama Islam dan bakinya tiada beragama. Majoriti responden juga berkahwin dan menetap di kawasan tersebut bagi tempoh yang panjang. Majoriti responden mempunyai tahap pendidikan yang rendah kerana hanya pada tahun 2007 anak-anak penduduk di situ dihantar ke sekolah berikutnya sikap penduduk yang tidak terbuka terhadap pendidikan.

Antara lain, masyarakat Orang Asli tidak beranggapan positif terhadap usaha pihak seperti Jabatan Orang Asli sendiri untuk membawa perubahan dalam kehidupan mereka sendiri dengan anggapan sesuatu yang negatif akan berlaku sekiranya anak-anak mereka terdedah kepada dunia luar. Pihak Jabatan Hal-ehwal Orang Asli Batu Caves sendiri mengakui mereka terpaksa berkeras untuk menghantar anak-anak Orang Asli ke sekolah (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Batu Caves 2008). Anak-anak masyarakat Orang Asli dihantar ke sekolah yang berhampiran di sekitar Bandar Selayang dan mereka telah menerima bantuan dari segi buku-buku pelajaran, beg, alatan sekolah serta bantuan pakaian sekolah dari pihak Jabatan (Pn Aini 2007 ...???). Usaha tersebut demi memastikan tidak berlaku diskriminasi dalam kalangan rakyat walaupun pelbagai bangsa dan etnik. Walau bagaimanapun, kejayaan usaha JHEOA bergantung kepada sikap dan kesediaan masyarakat Orang Asli sendiri untuk menerima perubahan tersebut.




RAJAH 18.1. Jantina Responden

Sumber: Kajian Lapangan Projek Penyelidikan UKM-XX-01-FRGS007-2006

### Umur Responden

Majoriti responden dalam kumpulan tersebut berumur antara 33 hingga 48 tahun. Walaupun telah berumur, tetapi mereka masih aktif dalam melakukan aktiviti harian seperti melaksanakan tugas harian. Manakala golongan belia lebih berminat bekerja di luar. Golongan kanak-kanak semakin ramai yang mendapat pendidikan di sekolah berhampiran. Golongan kanak-kanak tidak mendapat pendidikan yang sewajarnya sebelum 2007 akibat sikap ketidakterbukaan ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak.




RAJAH 18.2. Umur Responden

Sumber: Kajian Lapangan Projek Penyelidikan UKM-XX-01-FRGS0007-2006

### Pekerjaan Responden

Rajah 3 menunjukkan 82 peratus responden bekerja sendiri berbanding dengan 18 peratus yang bekerja di sektor kerajaan. Pekerjaan sendiri merangkumi penjualan sumber bukan makanan yang diperoleh daripada hutan untuk mendapatkan sumber pendapatan. Kayu gaharu, nibong, umbut kelapa, herba dan sebagainya adalah sumber bukan makanan. Kayu gaharu dibahagikan kepada dua jenis yakni kayu gaharu yang berwarna kuning dan hitam dan dijual mengikut kilogram. Kayu yang berwarna hitam lebih berharga berbanding dengan kayu gaharu bewarna kuning yang dijual pada harga RM8.00 sekilogram (Tok Patin 2007). Aktiviti pencarian kayu gaharu menjadi pekerjaan utama penduduk dengan hasilnya dijual seminggu sekali. Pekerjaan sampingan ialah menganyam kraftangan daripada rotan, lempit, bertam dan sebagainya.



RAJAH 18.3 Pekerjaan Responden

Sumber: Kajian Lapangan Projek Penyelidikan UKM-XX-01-FRGS0007-2006


Di samping itu, masyarakat Orang Asli juga mencari hasil hutan lain untuk dijadikan sebagai sumber pendapatan sampingan seperti mencari petai untuk dijual, menoreh getah, pertukangan dan sebagainya. Ada juga antara mereka yang tidak menjual hasil hutan tersebut malah dijadikan sumber makanan mereka seharian. Antara hasil hutan yang biasanya menjadi sumber rezeki mereka termasuklah pucuk ubi, rebung, umbut kelapa, sayuran hutan sebagainya. Mereka menjadikan sumber

hutan sebagai sumber makanan demi mengurangkan bebanan mereka kewangan mereka untuk membeli-belah barang pengguna.

Selain itu, terdapat juga dalam kalangan mereka yang terlibat dengan sektor kerajaan seperti mereka yang bekerja dengan Majlis Perbandaran Selayang dan Jabatan Agama Islam Selangor.

### Pendapatan Responden

Rajah 4 menunjukkan seramai empat orang ataupun 36.4 peratus responden memperoleh pendapatan antara RM1001 hingga RM2000 sebulan. Pendapatan ini termasuklah pendapatan daripada pekerjaan tetap seperti mereka yang bekerja di Majlis Perbandaran Selayang, Jabatan Agama Islam Selangor dan sebagainya dicampur dengan pendapatan sampingan mengutip hasil hutan atau mencari kayu gaharu. Manakala bagi mereka yang hanya bergantung sepenuhnya kepada sumber hutan memperoleh pendapatan antara RM201 hingga RM400.



RAJAH 18. 4: Pendapatan Responden

Sumber: Kajian Lapangan Projek Penyelidikan UKM-XX-01-FRGS0007-2006


Pendapatan yang diperoleh berubah-ubah tertakluk kepada kuantiti dan kualiti sumber hutan yang serba kekurangan yakni kayu gaharu. Kayu tersebut hanya dijual seminggu sekali dan jumlah yang boleh diperoleh dalam tempoh tersebut sebanyak RM30 hingga RM50 seminggu. Tambahan pula, kesukaran untuk mendapatkan sumber

tersebut telah mendesak para penduduk mencari alternatif lain dengan bercucuk tanam dan ada juga dalam kalangan mereka yang menoreh getah bagi mendapatkan sumber pendapatan tambahan. Hasil getah dijual di kedai yang berhampiran dengan harga RM3.80 sekilo. Namun harga komoditi tertakluk kepada perubahan harga pasaran getah semasa. Getah dituai selama empat hari seminggu dan hasilnya dijual mengikut mingguan.

### Pengumpulan Sumber Hutan

Daripada Rajah 18. 5, dapat diperhatikan sebanyak 91 peratus masyarakat Orang Asli bergantung kepada sumber hutan untuk kehidupan sehari-hari. Hal tersebut menggambarkan tahap kebergantungan yang tinggi terhadap sumber-sumber hutan seperti sayuran hutan, petai, pucuk paku, pucuk ubi dan sebagainya sebagai sumber utama makanan kepada penduduk. Kebanyakan daripada penduduk mencari sumber yang berdekatan dengan kawasan rumah mereka. Ada juga dalam kalangan mereka yang bercucuk tanam untuk menampung keperluan mereka seperti tanaman ubi kayu, sayuran kampung dan sebagainya.


Sumber hutan merupakan sumber makanan seperti petai, jering, ubi kayu dan pelbagai lagi untuk dijual bagi mendapatkan sumber pendapatan. Terdapat juga dikalangan mereka yang menjadikan sumber makanan hasil daripada bercucuk tanam untuk dijual di pasar yang berhampiran bagi meningkatkan sumber pendapatan sampingan bagi mereka.



RAJAH 18.5. Jualan Sumber Hutan

Sumber: Kajian Lapangan Projek Penyelidikan UKM-XX-01-FRGS0007-2006

Rajah 18.6 menunjukkan sebanyak 91 peratus menjual sumber bukan makanan yang diperoleh daripada hutan untuk mendapatkan sumber pendapatan. Antara sumber bukan makanan tersebut adalah seperti kayu gaharu, nibong, umbut kelapa, herba dan sebagainya. Kayu yang berwarna hitam tersebut adalah lebih mahal berbanding yang berwarna kuning yang dijual pada harga RM8.00 sekilogram. Aktiviti pencarian kayu gaharu menjadi pekerjaan utama penduduk dengan hasilnya akan dijual seminggu sekali. Pada masa dahulu, buluh dan rotan dijual tetapi kini sumber tersebut telah pupus.



RAJAH 18.6. Penjualan Sumber Bukan Makanan Dari Hutan

Sumber: Kajian Lapangan Projek Penyelidikan UKM-XX-01-FRGS0007-2006

### Kekerapan dan Hasil Pendapatan yang Diperoleh dari Jualan Sumber Hutan

Jadual 18.1 menunjukkan masyarakat Orang Asli bergantung kepada hutan dalam mendapatkan sumber makanan dan sumber bukan makanan. Sumber makanan yang dikumpul bukan sahaja untuk makan sendiri tetapi juga untuk dijual sebagai sumber kewangan mereka. Ini merupakan kegiatan masyarakat ini sejak dahulu dari zaman nenek moyang mereka terdahulu. Ini adalah kerana hutan merupakan kawasan yang paling hampir dengan mereka. Justeru, hutan sebagai sumber utama kepada mereka. Jika difikirkan kegiatan mereka akan mengundang kepupusan sumber hutan kerana ianya diteroka secara berterusan. Namun penerokaan tersebut bukanlah secara besar-besaran demi memelihara dan memulihara alam semula jadi. Antara sumber makanan yang dikumpul dan dijual termasuklah petai, jering, pucuk paku, pucuk ubi, pisang dan

sebagainya. Sumber makanan ini dijual di pasar yang berhampiran mengikut harga pasaran. Petai merupakan sumber makanan yang kerap menjadi jualan masyarakat ini dan memberikan pulangan yang lumayan. Walau bagaimanapun, ianya bergantung kepada musim seperti juga durian yang ada mengikut musimnya. Implikasi kegiatan mereka terhadap alam sekitar tidaklah begitu memberi kesan kerana ianya masih dalam keadaan terkawal.

JADUAL 18.1. Kekerapan dan Hasil pendapatan responden yang diperoleh dari jualan sumber hutan (pada harga pasaran)

Jenis	Kekerapan satu minggu	Kekerapan satu bulan	Kuantiti	Harga sekilo
Petai	4X	16X	1000 keping	100 keping =RM30
Jering	2X	8X	300 keping	selonggok =RM2
<b>Buahan</b>				
Durian	3x	9x	5 biji	10 biji = RM 10
Pisang	2x	8x	1 tandan	I tandan = RM
Cempedak	1x	4x	1 biji	1 biji = RM1
<b>Sayuran</b>				
pucuk ubi	2X	8X	1 ikat	1 ikat = RM1
pucuk paku	2X	8X	1 ikat	1 ikat = RM1
Umbut kelapa	3x	9x	selonggok	selonggok =RM2
<b>Haiwan</b>				
Ikan	4X	16X	5 / 6 ekor	1 kilo = RM 3
<b>Herba</b>				
Tongkat ali	2x	8x	2/ 3 batang	1 batang = RM 6

Sumber: Kajian Lapangan Projek Penyelidikan UKM-XX-01-FRGS0007-2006

Jadual 18.2 menunjukkan sumber-sumber hutan sememangnya menjadi bahan atau sumber makanan bagi masyarakat Orang Asli dari zaman dahulu hingga kini. Realiti itu tidak berubah hingga sekarang. Pergantungan ini dapat dilihat melalui kegiatan kehidupan sehari-hari mereka yang banyak berlaku di sekitar hutan berdekatan. Sumber makanan yang diperoleh yang adalah seperti sayuran hutan seperti pucuk

kayu, rebung, pucuk ubi dan sebagainya yang boleh dimakan. Sumber ikan yang diperoleh daripada sungai juga turut menjadi makanan bagi mereka. Dapat juga dilihat bahawa setiap sumber makanan tersebut mempunyai nilai tersendiri seperti rebung yang berharga RM1, pucuk paku RM 1 dan lain-lain.

**JADUAL 18.2. Kekerapan dan Hasil Yang Diperoleh Daripada Sumber Hutan Sebagai Sumber Makanan (pada harga bayangan)**

Jenis	Kekerapan seminggu	Kekerapan sebulan	Kuantiti	Harga
Petai	4X	16X	400 keping	100 keping =RM30
Jering	1x	4x	50 keping	Selonggok = RM2
Kerdas	1x	2x	30 keping	Selonggok = RM2
<b>Buahan</b>				
Durian	3x	9x	3 longgok	Selonggok= RM10
Pisang	2x	8x	2 tandan	Seikat = RM1.20
Rambutan hutan	1 X	4 X	10 ikat	Seikat = RM 2.50
<b>Sayuran</b>				
pucuk ubi	2X	8X	1 ikat	1 ikat = RM1
pucuk paku	2X	8X	1 ikat	1 ikat = RM1
Umbut kelapa	3x	9x	selonggok	selonggok = RM2
Rebung	1 X	4 X	4 batang	Sebungkus= RM1
Ubi kayu	2x	8x	10 kilo	Sekilo = RM 1.80

Sumber: Kajian Lapangan Projek Penyelidikan UKM-XX-01-FRGS0007-2006

Jadual 18.3 pula menunjukkan di samping sumber hutan sebagai sumber makanan, masyarakat Orang Asli turut bergantung kepada sumber hutan untuk mendapatkan sumber pendapatan melalui penjualan sumber-sumber bukan makanan yang mempunyai nilai yang tersendiri seperti getah, kayu gaharu, kemeyan dan sebagainya. Manakala sumber-sumber seperti rotan, lempit dan bertam di kumpul bagi tujuan membuat kraftangan seperti bakul, raga, tikar mengkuang yang menjadi sumber pendapatan masyarakat Orang Asli yang mempunyai kemahiran tersebut. Kemahiran tersebut dipelajari dari kelas kemahiran yang dianjurkan oleh Jabatan Orang Asli sendiri yang memberi tanggungjawab kepada syarikat swasta untuk menjadi tenaga pengajar kepada masyarakat tersebut.

Kemahiran tersebut sekiranya dikembangkan akan memberi pendapatan lumayan kerana harga bagi kraftangan tersebut agak lumayan iaitu sekitar RM50 hingga RM300 sebuah. Terdapat juga kraftangan yang dibuat dengan hanya menggunakan kertas. Mereka hanya membuat kraftangan seperti bakul, raga dan sebagainya itu dengan menggunakan kos yang paling minima kerana bahan utama iaitu Rotan dan Lempit boleh didapatkan secara percuma di hutan. Mereka hanya perlu mencari bahan tersebut. Keuntungan yang diperoleh berdasarkan kepada permintaan dari pemborong.

JADUAL 18.3 Kekerapan dan Hasil Yang Diperoleh Daripada Jualan Sumber Bukan Makanan

Jenis	kekerapan seminggu	kekerapan sebulan	kuantiti	harga sekilo
Kayu Gaharu	1x	4x	6 / 5 kati	RM 5/6 / sekati
Getah	4x	16x	40 / 50 kilo	RM 3.80 sekilo
Rotan	3x	12x	4 / 6 batang	Seikat = RM30
Bertam	3x	9x	3 / 6 batang	Seikat = RM 10
Lempit	3x	9x	4 / 6 batang	Seikat = RM 10
Tongkat Ali	1x	4x	5 / 6 batang	RM 10 sebatang
Kemeyan	1x	4x	1/2 batang	RM 5 sebatang

Sumber: Kajian Lapangan Projek Penyelidikan UKM-XX-01-FRGS0007-2006

Jadual 18.4 menunjukkan aktiviti masyarakat Orang Asli secara umumnya berasaskan kepada “cukup hidup” seperti memancing, memburu binatang dan bertani. Hasil daripada aktiviti memancing ini hanya sekadar untuk makan sendiri dan tidak dijual kerana hasil yang diperoleh hanya sekadar cukup untuk mereka sekeluarga. Mereka memancing di kawasan sekitar dan kadangkala mereka pergi ke kawasan yang lebih jauh untuk mendapatkan hasil yang lebih. Antara ikan yang biasanya diperoleh oleh masyarakat disini termasuklah ikan keli yang berharga RM3 sekilo, ikan sembilang, ikan bujuk dan sebagainya. Kekerapan mereka memancing adalah antara tiga atau empat kali seminggu.

JADUAL 18.4. Kekerapan dan Hasil yang diperoleh oleh responden daripada sumber dari sungai.

Jenis Ikan	kekerapan seminggu	kekerapan sebulan	kuantiti	harga sekilo
Ikan Keli	3 atau 4 kali	9 kali	5 - 10 kilo	RM 3 sekilo
Ikan sembilang	1 - 2 kali	3 - 4 kali	3 - 4 kilo	RM 6 sekilo
Ikan Bujuk/ Haruan	1 kali	4 kali	7 - 8 kilo	RM 7 - 14 sekilo

Sumber: Kajian Lapangan Projek Penyelidikan UKM-XX-01-FRGS0007-2006

Walau bagaimanapun, kekerapan mereka mencari sumber tersebut bergantung kepada keperluan mereka. Secara keseluruhannya, pendapatan yang boleh diperoleh oleh masyarakat disini adalah sekitar RM2500 sebulan bagi sumber-sumber yang mereka peroleh. Namun begitu, menurut penduduk kini sumber seperti kayu gaharu semakin berkurangan akibat masalah kepupusan akibat penerokaan dan akibat kesan daripada kegiatan pembangunan seperti pembalakan namun mereka kini beralih kepada sumber yang lebih memberi pendapatan lumayan seperti getah.

## Kesimpulan

Masyarakat Orang Asli di HSBL masih meneruskan aktiviti ekonomi berorientasikan sara hidup dan menggunakan pendekatan tradisional (Ramble Abdullah 1993).. Aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh masyarakat tersebut dapat dikategorikan kepada dua yakni aktiviti ekonomi yang bertujuan mendapatkan wang seperti menoreh getah, mencari rotan dan mencari kayu gaharu; dan aktiviti ekonomi sara diri seperti memancing, memburu binatang dan pertanian (Gomez 1987). Walaupun lazimnya kedua-dua aktiviti tersebut dilakukan secara bermusim, tetapi dalam satu-satu keadaan, kedua-dua aktiviti ekonomi dijalankan serentak (Gomez and Anthony 1993). Aktiviti perekonomian yang merangkumi pengumpulan sumber hutan perlu dilaksanakan dengan lestari agar tidak mengorbankan keupayaan untuk memenuhi keperluan dan kehendak generasi akan datang. Antara sumber tersebut ialah sumber kayu-kayan, galian, herba, ubat-ubatan, flora dan fauna, haiwan dan sebagainya yang merupakan aset berharga dan perlu dipulihara demi menjamin kelestarian semula

jadi hutan (Lim 1997). Pembangunan yang merangkumi aspek kemudahan, keperluan asas dan infrastruktur seperti jalanraya dan ekonomi dengan penggunaan wang sebagai pengantara telah mula dinikmati oleh masyarakat tersebut (Shamsul Amri Baharuddin 1972). Peningkatan pendedahan kepada persekolahan dalam kalangan anak-anak menunjukkan transformasi pembangunan dalam masyarakat tradisional tersebut.

### Rujukan

- Anwar Din. (Sunt.). 2008. Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu. Cetakan Kedua. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dahlan, H.M. 1998. Persoalan Pribumi dalam pembangunan. Dalam Hasan Mat Nor (pnys). Warga Pribumi menghadapi cabaran pembangunan, hlmn 16. Jabatan Antropologi dan Sosiologi. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gomes, A. G & Anthony, W.H. 1993. Masyarakat Senai di Perak: Satu Tinjauan Etnografi. Dlm Hood Salleh, Kamaruddin M. Said dan Awang Hasmadi Mois (pnys). Mereka yang terpinggir: Masyarakat Terasing Indonesia dan Orang Asli di Malaysia; hlm 91-96. Jabatan Antropologi dan Sosiologi. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hasan Mat Nor, Shahruddin Idrus dan Sarah Aziz Abd. Ghani Aziz (pnys). 2001. Round Table Dialogues. Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI). Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Hutan dan Renjer Gombak. Manual Perhutanan 2003 Jilid 111. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Oktober 2005. Kuala Lumpur.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia. 2004. Kuala Lumpur. Wisma Selangor Dredging.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Malaysia. Atas talian: [www.jheoa.gov.my](http://www.jheoa.gov.my). Dicetak pada 15 Mac.
- Lim, H.F. 1997. *Orang Asli, Forest and Development*. Forest Research Institute Malaysia, Kepong, 52109 Kuala Lumpur, Malaysia.
- Nicholas, Colin. 2000. *The Orang Asli and The Contest for resources: Indigenous, Politics, Development and Identity in Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur. Vinlin Press Sdn. Bhd.
- Pejabat Perhutanan Rawang, Selangor. 2007.
- Rohana Yusof. 2006. Key informant, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Gombak.
- Rozallli Hashim. 2005. Pengajian Pembangunan. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Shamsul Amri Baharuddin. 1972. Satu Kajian Etnografi Orang Asli Senoi- Semai di Pos Telanok, Tanah Rata, *Pahang. Jurnal Manusia dan Masyarakat*, No.1, Jabatan Antropologi dan Sosiologi. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Tok Patin. 2007. *Key informant*, Kampong Orang Asli